



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

INISIATIF BELANJAWAN 2023 DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyambut baik Belanjawan 2023 yang bertemakan, “Keluarga Malaysia, Makmur Bersama” yang bersifat Responsif, Bertanggungjawab dan Reformis bagi memastikan kesejahteraan rakyat Keluarga Malaysia.
2. Peruntukan yang melibatkan KSM adalah merangkumi aspek Peningkatan Latihan Kemahiran, Insentif Penempatan Pekerjaan; dan Perlindungan Sosial. KSM juga akan meneruskan inisiatif sedia ada dan menggerakkan inisiatif baharu dibawah belanjawan ini.
3. Belanjawan 2023 memandang serius kepentingan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memastikan kesediaan Tenaga Kerja dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0. Justeru Kerajaan memperuntukkan Dana Latihan TVET yang terus memanfaatkan 12,000 pelatih lepasan sekolah yang mengikuti program latihan di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM) di bawah seliaan KSM serta Program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) membabitkan peruntukan RM20 juta melibatkan 3,000 pelatih.
4. Bagi golongan pekerja pula, KSM memperkasa modal insan negara dengan melatih 800,000 pekerja yang diperuntukkan melalui dana levi terkumpul HRD Corp bagi meneruskan program dan inisiatif latihan peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling).
5. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran negara telah menurun daripada 4.8% pada Julai 2021 kepada 3.7% pada Julai 2022. Disebabkan kejayaan ini, Kerajaan Keluarga Malaysia bersetuju dengan penubuhan *National Placement Centre* sebagai pusat sehenti untuk terus membantu Rakyat mendapatkan pekerjaan. Bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran pekerjaan selepas *career break*, Kerajaan bersetuju memberi pengecualian Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2023 – 2028 di bawah Program *Career Comeback*.

6. Kerajaan terus menyediakan bantuan mobiliti sebanyak RM500 kepada pencari kerja yang mendapat pekerjaan di luar negeri bermastautin. Manakala bantuan mobiliti jarak jauh berjumlah RM1,000 melibatkan penghijrahan jarak jauh iaitu dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Peruntukan insentif penggajian golongan belia berumur antara 18 hingga 30 tahun yang menganggur untuk tempoh lebih dari 3 bulan turut akan disediakan. Insentif ini juga disediakan untuk majikan yang membuat pengambilan graduan TVET.
7. Disamping itu, Kerajaan juga menyediakan insentif untuk majikan yang membuat pengambilan pekerja dalam kalangan OKU, Orang Asli, bekas banduan, dan wanita. Insentif penggajian sebanyak RM600 hingga RM 750 sebulan untuk tempoh 3 bulan akan diberikan kepada majikan. Insentif juga akan diberikan kepada golongan veteran serta majikan dan Agensi Pekerjaan Swasta yang menggantikan pekerja asing kepada pekerja tempatan.
8. Dari aspek Perlindungan Sosial, Kerajaan akan menanggung 80% daripada caruman orang bekerja sendiri manakala orang bekerja sendiri hanya perlu membuat bayaran 20% sahaja bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri. Kerajaan juga mewajibkan caruman kepada semua sektor pekerjaan sendiri terutamanya sektor berisiko tinggi secara berperingkat. Inisiatif ini akan bermula dengan sektor pengangkutan awam dan penghantaran barangan atau makanan.
9. Kerajaan akan menanggung kos caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah sebanyak RM120 setahun yang akan memanfaatkan seramai 200,000 Suri Rumah di bawah program Kasih Suri Keluarga Malaysia. Kerajaan juga akan menambahbaik Program Saringan Kesihatan PERKESO sebagai langkah awal mengesan dan mencegah penyakit kritikal seperti kanser dan sakit jantung.
10. Justeru itu, KSM akan terus komited bagi memastikan inisiatif yang di pertanggungjawabkan kepada KSM terlaksana.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
8 OKTOBER 2022**